

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL



ANWAR dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama pasukan perubatan selepas beliau menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.

Kesihatan perdana menteri dalam keadaan baik, pada tahap optimum

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Hospital Sultan Idris Shah di Serdang, Hospital Putrajaya dan Hospital Kuala Lumpur yang merawat beliau.

"Terima kasih kepada seluruh perawat, pakar dan staf perubatan Hospital Serdang, Putrajaya dan Hospital Kuala Lumpur (HKL). Alhamdulillah si-

hat," katanya menerusi satu hantaran di Facebooknya, semalam.

Kelmarin, Anwar menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan yang dikendalikan pasukan pakar perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.

Menurut Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, tahap kesihatan Perdana Menteri berada dalam keadaan baik dan pada tahap optimum.

Beliau kekal bersemangat dan bertekad untuk terus memikul tanggungjawab bagi mengangkat darjat dan martabat negara ke peringkat tertinggi.

Dalam pada itu, rakyat Malaysia turut mengambil peluang mendoakan kesihatan dan kesejahteraan Perdana Menteri dalam ruangan komen hantaran yang dimuat naik, semalam.

Pengguna akaun Facebook Fauzi Mazlan men-

doakan Anwar sentiasa diberikan kesihatan yang baik dan kekal cergas untuk memimpin negara.

Hassan Hami pula berkongsi rasa syukur dengan perkembangan kesihatan Perdana Menteri yang baik.

"Semoga dipermudah setiap urusan dan terus sihat. Rakyat marhaen, khususnya di Malaysia sangat memerlukan kepimpinan DSAI (Datuk Seri Anwar Ibrahim)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

Remaja 14 tahun dirujuk ke JKM, Peguam Zaflee tawar khidmat pro bono

Kali terakhir rawatan psikiatri Mac

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Remaja perempuan berusia 14 tahun yang ditahan selepas menyamar sebagai pegawai perubatan baru-baru ini, pernah mendapat rawatan psikiatri di sebuah hospital pada Mac lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, remaja itu juga didapati tidak mendapatkan rawatan selanjutnya, seterusnya menyebabkan fikiran dan emosi terganggu.

Beliau berkata, perkara itu disahkan keluarga remaja itu ketika soal siasat baru-baru ini.

"Kita akan dapatkan laporan penuh (rekod rawatan psikiatri) itu daripada pihak hospital. Kami juga difahamkan, remaja itu juga sudah meninggalkan alam persekolahan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, remaja itu akan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi sesi kaunseling sebelum kertas siasatan diserahkan kepada pejabat timbalan pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya.



ZAFLEE PAKWANTEH



KERATAN Kosmo! 9 Ogos 2024.

Hussein berkata, siasatan juga mendapati, remaja itu keluar masuk ke kawasan Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang dalam tempoh masa seminggu.



GAMBAR fail menunjukkan remaja berusia 14 tahun dibawa ke Mahkamah Majistret Sepang untuk proses reman pada Jumaat lalu.

Sementara itu, Peguam Zaflee Pakwanteh memberitahu, dia akan menawarkan khidmatnya secara pro bono kepada remaja berkenaan.

Katanya, beliau terpenggil untuk mewakili kes itu kerana keluarga remaja itu bukan dalam kalangan orang senang selain memikirkan masa depan remaja

itu sendiri.

"Dia belum matang, masih muda dan tidak tahu implikasi perbuatannya. Saya akan bantu-nya, tawarkan khidmat pro bono.

"Saya dimaklumkan, remaja itu daripada keluarga yang susah dan memang tidak mampu dapatkan khidmat peguam.

"Saya sudah dapatkan kebenaran ibu remaja itu. Dia (ibu remaja itu) pada mulanya segan, namun selepas diberi penjelasan, dia setuju.

"Kalau bangsa Melayu sendiri tak nak tolong bangsa sendiri, siapa lagi nak tolong," katanya ketika dihubungi semalam.

Kosmo! pada Jumaat lalu melaporkan remaja perempuan berusia 14 tahun menyamar sebagai doktor di Hospital Sultan Idris Shah Serdang di sini, selama dua bulan tanpa disedari oleh petugas lain.

Lebih hebat apabila remaja terbabit yang berbadan kurus turut memiliki pas kerja, peralatan doktor dan mampu mengakses komputer serta membuat rondaan pesakit di wad-wad hospital berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Pernah mendapat rawatan psikiatri di sebuah hospital pada Mac lalu

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SEPANG

Polis mengesahkan remaja perempuan berusia 14 tahun yang menyamar sebagai

doktor yang ditahan baru-baru ini pernah mendapat rawatan psikiatri di sebuah hospital Mac lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, remaja itu bagaimanapun didapati tidak membuat rawatan susulan dan ia menyebabkan fikiran dan

emosinya terganggu.

Menurutnya, perkara itu disahkan keluarga remaja itu semasa soal siasat oleh polis.

"Kita akan mendapatkan laporan penuh rekod rawatan psikiatri itu daripada pihak hospital.

"Hasil siasatan yang dijalankan juga mendapati remaja tersebut sudah meninggalkan alam persekolahan," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Isnin.

Hussein berkata, remaja itu akan

dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi sesi kaunseling dan selepas itu kertas siasatan diserahkan kepada pejabat timbalan pendakwa raya (TPR) untuk tindakan selanjutnya.

Ditanya tempoh remaja itu 'bertugas' di hospital, katanya, siasatan mendapati remaja itu didapati keluar masuk ke kawasan Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang selama seminggu.

Bagaimanapun Hussein tidak dapat mengulas lanjut ketika ditanya sama ada kes itu melibat-

kan kecuaihan pihak hospital atau pelanggaran prosedur operasi standard (SOP).

"Kita masih bincang dengan pihak hospital terutama bagi mengetatkan prosedur keluar masuk ke hospital itu terutama di kawasan sensitif," ujarnya.

Ditanya juga sama ada remaja itu menghadapi kecelaruan identiti, Hussein tidak boleh mengesahkan perkara tersebut.

"Saya bukan pakar untuk kata (sahkan) perkara itu. Jangan buat andalan sendiri.

"Kita serah kepada pihak yang pakar untuk mengetahui apa masalah remaja itu sehingga bertindak demikian," katanya.

Menurutnya, JKM juga akan memutuskan sama ada remaja itu akan diletakkan di bawah agensi itu atau terus berada di bawah jagaan ibunya.

Sebelum ini, remaja itu ditahan di lobi HSIS Serdang kerana mencorebuh dewan bedah dan menyamar sebagai doktor.

Polis turut merampas baju dan seluar scrub serta lanyard hak milik hospital.

Keadaan tubuh badan remaja itu yang lebih besar berbanding usia sebenar memudahkan dia melakukan penyamaran.



HUSSEIN



Laporan Sinar Harian pada 9 Ogos lalu.

Orang muda diserang sakit jantung semakin membimbangkan

KUALA LUMPUR - Penyakit jantung yang sering dianggap masalah golongan tua, kini semakin menjejaskan penduduk muda di Malaysia, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap peningkatan kes 'pembunuh senyap' ini.

Pakar Perunding Kardiologi Pusat Perubatan Sunway (SMC), Dr Richard Chan Tze Ming berkata, kajian perubatan terkini menunjukkan peningkatan kes penyakit jantung iskemik, atau lebih dikenali sebagai serangan jantung dalam kalangan penduduk muda Malaysia sepanjang dekad yang lalu.

Beliau berkata, di Malaysia, kematian akibat penyakit jantung iskemik semakin meningkat, dengan statistik menunjukkan peningkatan daripada 9,300 kes pada 2010 kepada 20,300 kes pada 2022.

"Perkara membimbangkan ialah trend peningkatan pesakit berusia dalam lingkungan 20-an dan 30-an yang mengalami serangan jantung. Perkembangan ini amat merisaukan dan menunjukkan bahawa perubahan segera perlu dilakukan," katanya dalam satu temubual, baru-baru ini.

Dr Richard berkata, beberapa faktor menyumbang kepada peningkatan serangan jantung dalam kalangan rakyat Malaysia, termasuk gaya hidup sedentari, pilihan pemakanan yang tidak sihat, dan tabiat merokok, selain daripada predisposisi yang tidak dapat dielakkan seperti sejarah keluarga dan genetik.

"Masyarakat kita telah menjadi lebih digital, menyebabkan kurangnya aktiviti fizikal. Ramai anak muda menghabiskan hari-hari mereka dengan duduk di hadapan komputer atau terlibat dalam hiburan berasaskan skrin," katanya.



DR RICHARD

Beliau berkata tekanan emosi tidak terurus, seperti yang berkaitan dengan kerja, hubungan peribadi, dan masalah kewangan juga boleh menyebabkan penyakit jantung.

"Tekanan emosi boleh menyebabkan penyakit jantung dengan meningkatkan tekanan darah dan masalah berkaitan, serta kes 'sindrom patah jantung' di mana tekanan melampau boleh menyebabkan kegagalan jantung secara tiba-tiba.

"Sindrom patah hati adalah keadaan menyebabkan jantung tiba-tiba gagal berfungsi kerana kawasan jantung lemah akibat tindak balas neurohormonal. Jadi, apabila ada emosi yang melampau, hormon yang dikeluarkan boleh merosakkan jantung," jelas beliau.

Menurut Dr Richard, menghindari penyakit jantung memerlukan perubahan gaya hidup yang signifikan dan oleh itu, rakyat Malaysia dinasihatkan untuk melakukan aktiviti fizikal yang kerap, mengamalkan diet sihat dan mengelakkan merokok.

Beliau juga menekankan kepentingan pemeriksaan kesihatan secara berkala, terutamanya bagi mereka yang mempunyai faktor risiko yang dinyatakan sebelum ini atau sejarah keluarga penyakit jantung.

Katanya pengesanan awal dan pengurusan keadaan seperti diabetes dan kolesterol tinggi juga adalah penting.

"Kita tidak akan mengetahui bahawa kita mempunyai keadaan kesihatan tertentu sehingga menjalani pemeriksaan. Oleh itu, saya sangat menggesa semua rakyat Malaysia untuk menjalani pemeriksaan kesihatan awal, kerana ia adalah satu-satunya cara untuk mengenal pasti dan mengurangkan faktor risiko ini," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Hasilkan produk herba berkualiti, beri peluang semua golongan nikmati manfaat

SEMAKIN ramai individu yang sedar akan kepentingan menjaga kesihatan mereka, dan masyarakat juga mula mengenali manfaat herba dalam mengurangkan risiko penyakit dan meningkatkan sistem imun.

Ini menyebabkan permintaan tinggi terhadap produk herba, yang mana ia dianggap sebagai alternatif semula jadi yang lebih selamat berbanding dengan ubat-ubatan kimia yang mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini.

Namun begitu, antara isu utama dalam pengkomersilan produk herba berkualiti tinggi adalah melibatkan harga yang lebih mahal berbanding produk herba biasa.

Umum perlu mengetahui bahawa terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan harga produk herba berkualiti tinggi menjadi lebih mahal.

Produk herba berkualiti tinggi sudah pasti menggunakan bahan mentah terbaik dari sumber yang selamat.

Sumber bahan mentah yang terhad atau sukar untuk diperolehi dan mungkin hanya tumbuh di kawasan tertentu sahaja memerlukan teknik penanaman dan penjagaan khusus.

Produk herba berkualiti tinggi sering kali terlibat dengan proses pembangunan yang intensif seperti mengadakan ujian klinikal, memohon sijil dan juga kelulusan daripada pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Ujian klinikal ke atas haiwan dan ma-

nusia juga dijalankan dalam beberapa fasa untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan produk. Ini pasti melibatkan kos yang sangat tinggi.

Bagi memastikan produk herba berkualiti tinggi dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat, pemain industri perlu memainkan peranan penting dalam menangani isu ini.

Antaranya ialah membina jaringan kerjasama yang erat antara pengeluar bahan mentah, pengeluar produk dan pengedar. Seterusnya ialah aktiviti penyelidikan dan inovasi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan industri herba.

Selain itu, kesedaran pengguna mengenai manfaat dan nilai produk herba berkualiti tinggi juga perlu diberi keutamaan.

Pengeluaran dalam jumlah yang besar dapat membantu mengurangkan kos pengeluaran per unit, seterusnya dapat menurunkan harga jualan produk.

Mempelbagaikan produk dengan mengembangkan pelbagai jenis produk yang sesuai untuk pelbagai segmen pasaran juga boleh dilaksanakan dengan mencipta variasi dalam jenis herba yang digunakan, bentuk pembungkusan, dos atau kombinasi bahan aktif yang digunakan.

Program subsidi atau diskaun khas untuk produk berkualiti tinggi kepada lapisan masyarakat juga perlu diwujudkan. Ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan bagi pengguna, seterusnya mendorong penggunaan produk herba berkualiti tinggi.

*- Profesor Madya Dr Noor Akhmalillah Mohd Fauzi
ialah Penyarah Jabatan Teknologi Kejuruteraan
Kimia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NASIONAL

MBSJ mahu merdekakan Subang Jaya daripada denggi



Amirul Azizan (tujuh kanan) bersama peserta Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ 2024 di Subang Jaya.

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengangkat tema Merdeka Denggi sempena Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ 2024 bagi memberi kesedaran dan sikap ambil peduli dalam kalangan penduduk Subang Jaya.

Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, sepanjang tahun ini, pelbagai aktiviti kawalan dan pencegahan dijalankan MBSJ dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling.

Ujarnya, sebanyak 28 aktiviti pameran dan taklimat serta 20 aktiviti gotong-royong berkaitan

kes demam denggi dijalankan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan pihak sekolah.

"Kerjasama penduduk agak memuaskan namun masih memerlukan lebih banyak sokongan bagi memastikan tanggungjawab untuk merdeka daripada demam denggi dapat dipikul bersama," katanya pada Majlis Penutup Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ di Subang Parade di sini.

Mengikut statistik kes demam denggi bagi Minggu Epid ke-31 Tahun 2024 di Subang Jaya merekodkan sebanyak 6,092 kes dan 17 kawasan titik panas.

Mengulas lanjut Amirul Azizan berkata, MBSJ turut mengambil inisiatif untuk menubuhkan skuad denggi peringkat MPP dan sekolah di kawasan MBSJ.

Buat masa ini jelasnya, MPP Zon 4 ialah skuad denggi yang paling aktif membantu pihak MBSJ dalam mengawal dan mengekang kes demam denggi.

"Sekolah yang menyertai penyerokan denggi dilantik sebagai agen skuad denggi sekolah.

"Jabatan Kesihatan akan memberi bimbingan kepada pasukan ini untuk memastikan sekolah juga merdeka denggi," ujarnya lagi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

'Doktor remaja' ada rekod psikiatri, peguam tawar khidmat percuma

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamula.com.my

SEPANG: Polis mengesahkan 'doktor' remaja perempuan berusia 14 tahun yang ditahan baru-baru ini pernah mendapat rawatan psikiatri di sebuah hospital pada Mac lalu.

Bagaimanapun, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, remaja itu tidak menyusuli rawatan seterusnya menyebabkan fikiran dan emosi gadis itu terganggu.

Beliau berkata, perkara itu disahkan oleh keluarga remaja itu ketika soal siasat baru-baru ini.

"Kita akan dapatkan laporan penuh (rekod rawatan psikiatri) itu daripada pihak hospital. Kami juga difahamkan, remaja itu juga sudah meninggalkan persekolahan," katanya pada sidang akhbar semalam.

Katanya, remaja itu juga akan dirujuk kepada Jabatan Kebaji-



ZAFLEE PAKWANTEH

kan Masyarakat (JKM) bagi sesi kaunseling sebelum kertas siasatan diserahkan kepada pejabat timbalan pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya.

Hussein berkata, siasatan juga mendapati, remaja itu keluar masuk ke kawasan Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang dalam tempoh seminggu.

Ditanya isu tersebut ada kaitan dengan kecuaihan pihak



Ibu ibu remaja itu pada mulanya segan namun, selepas diberi penjelasan, dia setuju. Kalau bangsa Melayu sendiri tidak mahu tolong bangsa sendiri, siapa lagi mahu tolong."

ZAFLEE PAKWANTEH

hospital atau pelanggaran prosedur operasi standard (SOP), Hussein berkata, beliau tidak dapat komen lanjut men-

genai perkara itu.

"Kita masih bincang dengan pihak hospital terutama bagi mengetatkan prosedur keluar masuk ke hospital itu terutama di kawasan-kawasan sensitif," katanya.

Sementara itu, seorang peguam, Zaflee Pakwanteh terpenggil untuk mewakili kes itu kerana keluarga remaja itu bukan orang senang selain memikirkan masa depan remaja itu.

"Dia belum matang, masih muda dan tidak tahu implikasi perbuatannya. Saya akan bantu-nya dan tawarkan khidmat pro bono," kata Zaflee.

Pro bono merujuk kepada penyediaan perkhidmatan undang-undang atau profesional tanpa mengenakan bayaran atau dengan bayaran sangat rendah.

Menurut beliau, ibu ibu remaja itu pada mulanya segan namun, selepas diberi penjelasan, dia setuju.

"Kalau bangsa Melayu sendiri tidak mahu tolong bangsa sendiri, siapa lagi mahu tolong," katanya.

Difahamkan, remaja itu akan dituduh di Mahkamah Sepang dalam masa terdekat bagi dua pertuduhan iaitu Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan 170 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mencerooboh dan menyamar sebagai penjawat awam.

Remaja itu ditahan reman dua hari berakhir Sabtu lalu sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

Sebelum ini, remaja warga tempatan itu ditahan di lobi Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang kerana mencerooboh dewan bedah dan menyamar sebagai doktor.

Siasatan awal mendapati, remaja itu mencerooboh dewan bedah hospital dan mengaku sebagai pegawai perubatan serta mahu membantu menjalankan pembedahan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

PM thanks hospital staff after given clean bill of health

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim has expressed gratitude for his good health to all hospital staff involved following his annual check-up.

"Thank you to all the caregivers, specialists and medical staff at Hospital Serdang, Hospital Putrajaya and Hospital Kuala Lumpur. Alhamdulillah, I am healthy," the Prime Minister said in a Facebook post, Bernama reported.

On Sunday, Anwar had his annual health check-up, which was conducted by a team of medical specialists from the Health Ministry at Hospital Sultan Idris Shah in Serdang.

According to the Selangor Health Department, the Prime Minister's health condition was good and at an optimal level.

The department said it allowed

him to remain enthusiastic and determined to continue bearing the responsibility of elevating the country's status and dignity to the highest level.

Meanwhile, Malaysians took the opportunity to pray for Anwar's health and well-being in the comments section of the post uploaded yesterday.

A Facebook user, Fauzi Mazlan, said he prayed for Anwar to always be granted good health and vitality to lead the country.

Similarly, Hassan Hami expressed his gratitude for the positive update on the Prime Minister's health.

"May all matters be eased, and may he continue to be healthy. The people of Malaysia greatly need the leadership of DSAI (Datuk Seri Anwar Ibrahim)," he said.



Ready for action: Anwar had his annual check-up at Hospital Sultan Idris Shah in Serdang, Selangor.
— Photo taken from Anwar's Facebook

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Surge in heart disease cases among young Malaysians

KUALA LUMPUR: Heart disease has long been perceived as a condition predominantly affecting the elderly, but an alarming number of young Malaysians are falling victim to this silent killer.

Consultant cardiologist Dr Richard T.M. Chan said medical studies have shown an increasing number of young Malaysians afflicted with ischemic heart disease, also known as heart attacks, in the past decade.

He said deaths due to ischemic heart disease in Malaysia are on the rise, with statistics showing an increase from 9,300 cases in 2010 to 20,300 cases in 2022.

"There is also a troubling trend of patients in their 20s and 30s coming in with heart attacks. This shift is a cause for concern and indicates that changes are needed."

➤ Factors contributing to rise include sedentary lifestyles, poor dietary choices and smoking habit: Cardiologist

He said several factors contribute to the rise of heart attacks among Malaysians, including sedentary lifestyles, poor dietary choices, smoking habit and unavoidable predispositions, such as family history and genetics.

"Our society has become more digital, leading to less physical activity. Many young people spend their days sitting in front of computers or engaged in screen based entertainment."

He said regular unmanaged emotional stress, such as those

related to the workplace, personal relationships and financial woes, could indirectly cause heart disease.

"Emotional distress could indirectly lead to heart disease by causing high blood pressure and other related conditions. We are also seeing cases of broken heart syndrome, in which extreme stress leads to sudden heart failure."

"Broken heart syndrome is a condition in which the heart suddenly fails to work because the areas of the heart become weak due to neurohormonal reactions. So,

whenever there are extreme emotions, the hormones released could damage the heart."

He said preventing heart disease requires significant lifestyle changes and Malaysians are advised to engage in regular physical activity, adopt a healthy diet and avoid smoking, Bernama reported.

He emphasised the importance of regular health screenings, especially for those with the aforementioned risk factors, adding that early detection and management of conditions such as diabetes and high cholesterol are crucial.

"We will not know we have a condition until we undergo a medical checkup. That is why I urge all Malaysians to go for medical checkups because that is the only time we can pick up on risk factors and mitigate them."